

PUJIAN DALAM SYAIR ARAB: ANALISIS PERBANDINGAN ZUHAIR BIN ABI SULMA DAN HASSAN BIN THABIT

PRAISE IN ARABIC POETRY: A COMPARATIVE ANALYSIS OF ZUHAIR BIN ABI SULMA AND HASSAN BIN THABIT

Nurulhuda Mohamad Ghazali¹
Firuz Akhtar Lubis^{2*}

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: p170809@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: firuz@ukm.edu.my)

*Corresponding author: firuz@ukm.edu.my

Article history

Received date : 4-3-2026
Revised date : 5-3-2026
Accepted date : 1-4-2026
Published date : 8-4-2026

To cite this document:

Mohamad Ghazali, N., & Lubis, F. A. (2026). Pujian dalam syair Arab: Analisis perbandingan Zuhair bin Abi Sulma dan Hassan bin Thabit. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 699 – 712

Abstrak: *Puisi Arab merupakan salah satu bentuk kesusasteraan yang penting dalam masyarakat Arab sejak zaman Jahiliyah hingga zaman Islam. Antara tema utama dalam puisi Arab ialah pujian (madh), yang digunakan untuk menyanjung tokoh-tokoh berpengaruh dalam masyarakat. Dua penyair yang menonjol dalam tradisi ini ialah Zuhair bin Abi Sulma dan Hassan bin Thabit, yang masing-masing mewakili zaman Jahiliyah dan zaman awal Islam. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu meneliti puisi kedua-dua penyair ini secara berasingan, manakala kajian yang membandingkan secara khusus tema pujian dalam karya mereka masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara perbandingan ciri-ciri pujian dalam syair kedua-dua penyair serta mengenal pasti perbezaan tema dan tujuan pujian yang terdapat dalam karya mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks terhadap beberapa puisi terpilih bagi meneliti aspek gaya bahasa, struktur pujian, dan konteks sosial yang mempengaruhi karya mereka. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjelaskan perubahan konsep pujian dalam puisi Arab daripada nilai kesukuan pada zaman Jahiliyah kepada nilai keagamaan pada zaman Islam, sekali gus memperlihatkan peranan puisi sebagai cerminan perubahan sosial dan budaya dalam masyarakat Arab.*

Kata Kunci: *Syair Arab; Zuhair bin Abi Sulma; Hassan bin Thabit; Pujian; Perbandingan Sastera; Puisi Islam*

Abstract: *Arabic poetry has long been an important form of literature in Arab society from the Jahiliyyah period to the Islamic era. One of the main themes in Arabic poetry is praise (madh), which is used to glorify influential figures in society. Two prominent poets in this tradition are Zuhair bin Abi Sulma and Hassan bin Thabit, who represent the Jahiliyyah period and the early Islamic era respectively. However, most previous studies have examined the poetry of these two poets separately, while comparative studies that specifically analyse the theme of praise in their*

works remain limited. Therefore, this study aims to conduct a comparative analysis of the characteristics of praise in the poems of both poets and to identify the differences in themes and purposes of praise in their works. This study employs a textual analysis approach on selected poems to examine aspects such as language style, the structure of praise, and the social context influencing their poetry. The findings of this study are expected to explain the transformation of the concept of praise in Arabic poetry from tribal values in the Jahiliyyah period to religious values in the Islamic era, while also highlighting the role of poetry as a reflection of social and cultural changes in Arab society.

Keywords: *Arabic Poetry, Zuhair bin Abi Sulma; Hassan bin Thabit; Praise; Literary Comparison; Islamic Poetry*

Pengenalan

Puisi Arab merupakan satu daripada bentuk kesusasteraan yang paling penting dalam tamadun Arab sejak zaman Jahiliyah hingga zaman Islam. Dalam masyarakat Arab tradisional, puisi bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan dan ekspresi estetika, tetapi juga sebagai alat komunikasi sosial, dokumentasi sejarah, dan penyampaian nilai-nilai budaya. Antara tema utama yang sering muncul dalam puisi Arab ialah pujian (*madh*), yang digunakan oleh penyair untuk menyanjung tokoh-tokoh tertentu seperti pemimpin kabilah, pahlawan, dan tokoh agama. Tema pujian ini memainkan peranan penting dalam mencerminkan nilai dan struktur sosial masyarakat Arab pada sesuatu zaman.

Dalam konteks ini, dua tokoh penyair yang sering menjadi perhatian dalam kajian kesusasteraan Arab ialah Zuhair bin Abi Sulma dan Hassan bin Thabit. Kedua-dua penyair ini terkenal dengan karya puisi yang mengandungi unsur pujian, namun mereka hidup dalam dua zaman yang berbeza iaitu zaman Jahiliyah dan zaman awal Islam. Perbezaan latar sejarah dan sosial ini menjadikan puisi mereka sebagai sumber penting untuk memahami perubahan tema dan fungsi pujian dalam kesusasteraan Arab.

Zuhair bin Abi Sulma merupakan salah seorang penyair terkemuka zaman Jahiliyah yang terkenal melalui syair-syairnya yang terkandung dalam kumpulan Mu'allaqat. Puisi beliau sering menyanjung pemimpin kabilah dan tokoh masyarakat yang berjasa dalam menamatkan konflik serta membawa keamanan kepada masyarakat. Syairnya menekankan nilai-nilai seperti keberanian, kehormatan, keadilan, dan kemuliaan keturunan yang menjadi asas kepada struktur sosial masyarakat Arab pada zaman tersebut. Kajian oleh Bunyamin (2013) menunjukkan bahawa puisi Zuhair memiliki struktur yang tersusun serta mengandungi unsur hikmah yang kuat, yang menggambarkan kepentingan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat kabilah. Selain itu, Kholis (2021) turut menegaskan bahawa Zuhair dikenali sebagai penyair yang berhati-hati dalam pemilihan diksi dan mengelakkan penggunaan kata yang berulang atau tidak sesuai, menjadikan puisinya dianggap antara yang paling berkualiti dalam tradisi puisi Jahiliyah.

Sebaliknya, Hassan bin Thabit muncul sebagai penyair penting dalam era awal Islam yang menggunakan puisi sebagai medium untuk memuji dan mempertahankan ajaran Islam. Syairnya banyak memuji Muhammad serta menggambarkan keperibadian dan perjuangan Baginda dalam menyebarkan agama Islam. Berbeza dengan puisi Jahiliyah yang menekankan kemuliaan keturunan dan keberanian dalam peperangan, puisi Hassan lebih menonjolkan nilai keagamaan seperti keimanan, keadilan, dan akhlak yang mulia. Kajian oleh Kholis (2021)

menyatakan bahawa Hassan bin Thabit memainkan peranan penting dalam mempertahankan Islam melalui syair, di mana puisinya berfungsi sebagai alat propaganda dan dakwah bagi menguatkan semangat umat Islam serta membalas kritikan pihak Quraisy terhadap Islam. Dalam hal ini, puisi tidak lagi sekadar karya estetika, tetapi turut menjadi medium penyebaran ideologi dan kepercayaan agama.

Perbezaan yang jelas antara kedua-dua penyair ini mencerminkan perubahan besar yang berlaku dalam masyarakat Arab apabila berlakunya peralihan daripada zaman Jahiliyah kepada zaman Islam. Pada zaman Jahiliyah, nilai kesukuan, kemuliaan keturunan, dan keberanian dalam peperangan menjadi asas kepada pujian dalam puisi. Namun, dengan kedatangan Islam, sistem nilai masyarakat berubah kepada ketakwaan, keadilan, dan persaudaraan dalam Islam. Menurut Wargadinata dan Fitriani (2018), perubahan ini turut memberi kesan terhadap fungsi dan tujuan puisi Arab, di mana puisi pada zaman Islam lebih bersifat dakwah dan ideologi berbanding puisi Jahiliyah yang lebih menekankan keindahan bahasa dan struktur qasidah.

Walaupun banyak kajian telah membincangkan puisi Arab zaman Jahiliyah dan zaman Islam secara berasingan, penelitian terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kajian yang secara khusus membandingkan tema pujian antara Zuhair bin Abi Sulma dan Hassan bin Thabit masih agak terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada analisis terhadap karya penyair secara individu atau melihat perkembangan puisi Arab secara umum tanpa memberi penekanan terhadap perubahan konsep pujian antara dua zaman tersebut. Hal ini menyebabkan perbandingan yang sistematik terhadap tema, tujuan, dan gaya penyampaian pujian antara kedua-dua penyair masih kurang dibincangkan secara mendalam dalam kajian kesusasteraan Arab.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan tersebut dengan meneliti secara perbandingan ciri-ciri pujian dalam puisi Zuhair bin Abi Sulma dan Hassan bin Thabit. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ciri-ciri utama pujian dalam syair kedua-dua penyair serta membandingkan perbezaan tema dan tujuan pujian yang terdapat dalam karya mereka. Melalui analisis ini, kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang evolusi konsep pujian dalam puisi Arab serta menjelaskan bagaimana perubahan sosial dan keagamaan mempengaruhi bentuk dan fungsi puisi dalam masyarakat Arab. Dengan itu, puisi Arab dapat difahami bukan sahaja sebagai karya sastera yang indah dari segi bahasa, tetapi juga sebagai refleksi kepada perubahan nilai dan struktur sosial dalam sejarah masyarakat Arab.

Kajian Literatur

Kajian puisi Arab khususnya yang bertemakan pujian (*madh*) telah banyak dibincangkan dalam kesusasteraan akademik, baik dari aspek linguistik, sosiobudaya mahupun estetika sastera. Penyelidikan ini mengetengahkan dua tokoh utama dalam sejarah kesusasteraan Arab iaitu Zuhair bin Abi Sulma dan Hassan bin Thabit dengan pendekatan perbandingan untuk mendedahkan perbezaan tema, gaya bahasa dan konteks sosial di sebalik puisi mereka.

Zuhair bin Abi Sulma merupakan salah seorang penyair terkemuka zaman Jahiliyah yang terkenal dengan syairnya yang penuh hikmah dan pujian terhadap ketua kaumnya Puisinya mengandungi banyak unsur hikmah dan menyeru kepada keamanan, seperti yang dilihat dalam puisinya yang menggambarkan berakhirnya peperangan Dahi dan Ghubara' serta rasa hormatnya terhadap ketua kaum yang berjaya membawa keamanan (Bunyamin, 2013). Zuhair terkenal sebagai penyair yang mengelak menggunakan perkataan asing dan pengulangan dalam puisinya. Ini mendapat pengiktirafan daripada Khalifah Umar bin al-Khattab yang

menggelarnya sebagai penyair terbaik pada zamannya (Kholis, 2021). Selain itu, puisi beliau juga mempunyai struktur yang jelas dengan tema yang tersusun secara sistematis, berbeza dengan puisi lain yang selalunya spontan dan pelbagai dalam satu qasidah (Bunyamin, 2013). Dari segi akhlak, Zuhair lebih menyerlah dalam mengajarkan kehidupan tertib dan nilai-nilai sosial, seperti yang digambarkan dalam analisis strukturalis puisinya yang menekankan kepentingan kehormatan, kejujuran dan keamanan (Cahya Buana, 2017).

Berbeza dengan Zuhair, Hassan bin Thabit adalah seorang penyair Islam yang puisinya tertumpu kepada memuji Nabi Muhammad SAW dan Islam. Hassan mendapat pengiktirafan sebagai penyair utama dalam mempertahankan Islam melalui syair, dengan syairnya menjadi alat propaganda untuk menguatkan semangat umat Islam dan membalas cemuhan Quraisy. Dalam analisis kritikan sastera, Hassan bin Thabit sering dikritik oleh al-Nabighah kerana pemilihan diksinya yang dianggap tidak sesuai dalam beberapa puisinya. Namun, Nabi Muhammad SAW sendiri menganggap syairnya adalah yang terbaik dalam menceritakan peristiwa sejarah Arab dan perjuangan Islam (Kholis, 2021).

Tema pujian dalam puisi Hassan bin Thabit lebih bersifat keagamaan dan ideologi, di mana beliau bukan sahaja memuliakan sosok Nabi Muhammad malah menyeru kepada kebaikan dan keimanan (Kholis, 2021). Ini berbeza dengan syair Zuhair yang menekankan hikmah dalam kehidupan duniawi. Puisi pada zaman Jahiliyah, seperti yang dihasilkan oleh Zuhair bin Abi Sulma, lebih memfokuskan kepada memuji ketua suku, kebaikan individu, dan nilai moral dalam masyarakat. Sedangkan pada zaman Islam khususnya dalam syair Hassan bin Thabit, pujian bergeser menjadi bentuk penghormatan kepada Nabi Muhammad dan penyebaran ajaran Islam. Dari sudut estetika, puisi Jahiliyah menekankan keindahan bahasa dan struktur qasidah yang kompleks, manakala puisi Islam lebih bersifat dakwah dan mempunyai matlamat ideologi (Wargadinata & Fitriani, 2018).

Berdasarkan kajian literatur yang telah dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa tema pujian (*madh*) dalam puisi Arab telah mendapat perhatian yang signifikan dalam kalangan sarjana sastera Arab. Kajian-kajian terdahulu banyak menumpukan kepada analisis tokoh penyair tertentu serta konteks sejarah dan sosial yang mempengaruhi penghasilan puisi mereka. Dalam hal ini, karya-karya Zuhair bin Abi Sulma sering dianalisis dari sudut nilai hikmah, struktur qasidah yang tersusun, serta mesej moral yang menekankan keamanan, kehormatan dan nilai kemasyarakatan. Beberapa penyelidik juga meneliti gaya bahasa Zuhair yang dianggap lebih matang, berhati-hati dalam pemilihan diksi serta mengelakkan pengulangan kata yang tidak perlu.

Sebaliknya, kajian terhadap puisi Hassan bin Thabit lebih banyak memfokuskan kepada peranannya sebagai penyair Islam yang menggunakan syair sebagai medium mempertahankan agama serta memuji Muhammad. Penyelidikan terdahulu menekankan fungsi ideologi dan dakwah dalam syair Hassan, di mana puisi tidak sekadar berfungsi sebagai karya estetika, tetapi juga sebagai alat retorik untuk mengukuhkan identiti dan semangat umat Islam pada peringkat awal perkembangan Islam. Oleh itu, kebanyakan kajian terdahulu melihat puisi Hassan dalam konteks sejarah, dakwah dan peranan sosial penyair dalam masyarakat Islam awal.

Walau bagaimanapun, penelitian terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan kebanyakan penyelidikan dilakukan secara terpisah, sama ada meneliti puisi Zuhair dalam konteks zaman Jahiliyah atau puisi Hassan bin Thabit dalam konteks Islam. Kajian yang membuat perbandingan langsung antara kedua-dua penyair ini khususnya dari sudut tema pujian, gaya

bahasa dan latar sosial masih agak terhad. Selain itu, sebahagian besar kajian terdahulu lebih menumpukan kepada analisis umum terhadap kandungan puisi atau pendekatan sejarah sastra, tanpa memberi penekanan yang mendalam terhadap perubahan konsep pujian (*madh*) sebagai fenomena sastra yang berkembang daripada zaman Jahiliyah kepada zaman Islam.

Sehubungan itu, terdapat kelompongan kajian yang memerlukan penelitian yang lebih sistematik melalui pendekatan perbandingan antara kedua-dua penyair tersebut. Kajian ini berusaha mengisi kelompongan tersebut dengan menganalisis secara perbandingan tema pujian dalam puisi Zuhair bin Abi Sulma dan Hassan bin Thabit, khususnya dari aspek tema, gaya bahasa dan konteks sosial yang mempengaruhi pembentukan puisi mereka. Dengan pendekatan ini, kajian ini diharapkan dapat menjelaskan dengan lebih jelas perubahan fungsi dan makna pujian dalam puisi Arab daripada konteks sosial Jahiliyah kepada konteks ideologi dan keagamaan pada zaman Islam.

Metode Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis teks. Sumber utama yang dianalisis ialah Mu'allaqat yang mengandungi syair Zuhair bin Abi Sulma dan Diwan Hassan bin Thabit yang menghimpunkan syair-syair pujiannya terhadap Nabi Muhammad SAW. Selain itu, kajian ini akan merujuk kepada buku-buku sastra Arab klasik, artikel dalam jurnal akademik, serta kajian terdahulu yang berkaitan. Pendekatan perbandingan akan digunakan bagi meneliti persamaan dan perbezaan antara kedua-dua penyair dalam aspek tema, kandungan, dan gaya bahasa pujian mereka.

Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini menumpukan kepada teks syair yang dihasilkan oleh dua tokoh utama, iaitu Zuhair bin Abi Sulma daripada zaman Jahiliyah dan Hassan bin Thabit daripada zaman awal Islam. Pemilihan kedua-dua penyair ini adalah berasaskan kedudukan mereka sebagai penyair terkemuka yang mewakili dua era yang berbeza dalam sejarah kesusasteraan Arab. Zuhair dikenali sebagai penyair al-Mu'allaqat yang puisinya menggambarkan nilai tradisional masyarakat Arab Jahiliyah, manakala Hassan digelar syair al-Nabi kerana syairnya berperanan mempertahankan Nabi Muhammad SAW dan menyebarkan risalah Islam. Data yang dianalisis dalam kajian ini terdiri daripada bait-bait terpilih yang menonjolkan elemen pujian, sama ada terhadap manusia, kabilah, atau Nabi Muhammad SAW.

Tujuan analisis ini adalah untuk mengenal pasti dan membandingkan tema pujian yang terkandung dalam syair kedua-dua tokoh. Analisis dilakukan bagi menyingkap bentuk pujian yang diungkapkan, nilai yang ditonjolkan, serta fungsi pujian dalam konteks sosial dan budaya zamannya. Syair Zuhair memperlihatkan kecenderungan kepada pujian yang bersifat duniawi, seperti mengangkat keberanian, kemuliaan, dan kekuatan kabilah, sedangkan syair Hassan mengutamakan pujian terhadap Rasulullah SAW dengan menekankan aspek ketakwaan, akhlak, dan keagungan risalah Islam. Dengan itu, perbandingan ini membolehkan peralihan fungsi dan makna pujian daripada Jahiliyah kepada Islam diteliti secara lebih mendalam.

Zuhair bin Abi Sulma

Syair yang pertama adalah daripada Zuhair bin Abi Sulma

Petikan 1:

وَأَنْدِيَّةٌ يَنْتَابُهَا الْقَوْلُ وَالْفِعْلُ	دَفِيهِمْ مَقَامَاتٌ حَسَانٌ وَجُوهُهُمْ
وَعِنْدَ الْمُقَلِّبِينَ السَّمَاهَةُ وَالْبَدْلُ	عَلَى مُكْثَرِيهِمْ رِزْقٌ مَنْ يَعْتَرِيهِمْ
مَجَالِسٌ قَدْ يُشْفَى بِأَحْلَامِهَا الْجَهْلُ	إِنْ جِئْتَهُمُ الْقَيْتَ حَوْلَ بُيُوتِهِمْ
تَوَارِثُهُ أَبَاءُ آبَائِهِمْ قَبْلُ	وَمَا يَكُ مِنْ خَيْرٍ أَنْوَهُ فَمَا

noor-book.com/en/ieyh2r (2019)

Terjemahan Petikan 1:

Pada mereka ada kedudukan yang mulia, wajah-wajah mereka indah, dan majlis mereka dipenuhi dengan ucapan dan perbuatan yang terpuji. Bagi yang kaya dalam kalangan mereka, tersedia rezeki bagi sesiapa yang memerlukan, dan bagi yang miskin pula, ada sifat pemurah dan kedermawanan untuk diberi. Jika engkau datang kepada mereka, engkau dapati di sekitar rumah mereka majlis-majlis yang dengan kebijaksanaan ahlinya, kejahilan dapat diubah. Segala kebaikan yang aku sebut tentang mereka, sesungguhnya telah diwarisi daripada nenek moyang mereka sejak dahulu.

Dalam bait pertama, penyair menonjolkan (حسان وجوهم) iaitu “wajah mereka indah”. Pujian ini bukan sekadar menggambarkan rupa paras fizikal, tetapi menjadi lambang maruah, kehormatan, dan ketinggian peribadi kaum tersebut. Dalam budaya Arab Jahiliyah, wajah sering dijadikan metafora kepada kemuliaan dan kebersihan hati (al-Zawzani, 1998). Dengan menekankan keindahan wajah, Zuhair sebenarnya mengangkat darjat peribadi kabilah ini sebagai kelompok yang memiliki penampilan mulia yang mencerminkan keperibadian baik. Justeru, pujian ini bukan bersifat luaran semata-mata, tetapi menegaskan keserasian antara penampilan dan akhlak.

Dalam bait syair ini, Zuhair tidak memuji secara umum, tetapi secara khusus mengangkat martabat Bani Harith bin ‘Auf dan Bani Bughaydh bin Rayth daripada kabilah besar Dhubyān (ذبيان). Mereka ini terkenal kerana peranan penting dalam menghentikan Perang Dāḥis wa al-Ghabrā’, iaitu peperangan panjang antara kabilah ‘Abs dan Dhubyān (Ibn Qutaybah, 1981). Dua tokoh yang paling ditonjolkan ialah Al-Ḥārith bin ‘Auf al-Murri dan Ḥarim bin Sinān al-Murri, kedua-duanya dipuji kerana berani tampil sebagai pendamai dengan membayar diyah (tebusan darah) dalam jumlah besar untuk menghentikan peperangan. Peranan ini menjadikan mereka disanjung bukan sahaja kerana kekayaan, tetapi juga kerana hikmah, maruah, dan sifat kepemimpinan. Ungkapan syair (حسان وجوهم) “wajah mereka indah” bukan sekadar pujian fizikal, tetapi lambang karisma, kewibawaan, dan maruah kaum tersebut. Zuhair ingin menggambarkan bahawa mereka adalah kaum yang mulia secara lahiriah dan batiniah, serta layak dijadikan teladan dalam masyarakat Arab Jahiliyah. Dengan itu, pujian Zuhair bersifat

madh qabilah “pujian terhadap kabilah” yang berfokus kepada ketinggian peribadi, kepemimpinan, dan martabat sosial yang lahir daripada jasa mereka menghentikan peperangan.

Zuhair seterusnya memuji majlis mereka melalui ungkapan (وأندية ينتابها القول والفعل) iaitu “majlis mereka dihiasi kata-kata dan perbuatan”. Majlis (أندية) dalam masyarakat Arab Jahiliyah merupakan pusat pertemuan, perbincangan, dan pengambilan keputusan. Zuhair menegaskan bahawa majlis mereka dipenuhi kata-kata dan tindakan yang bermanfaat. Maksudnya, majlis tersebut bukan sekadar tempat berkumpul, tetapi pusat kebijaksanaan al-Jahiz (1998). Dalam konteks masyarakat Arab Jahiliyyah, terdapat dua jenis majlis utama:

- Majlis al-nadwah (مجالس الندوة): merupakan sebuah institusi budaya dan sejarah yang mempunyai kedudukan penting dalam masyarakat Arab, khususnya di rantau Teluk. Institusi ini berperanan sebagai ruang perbincangan tidak rasmi serta medan pembuatan keputusan, sekali gus mencerminkan kedudukannya yang mendalam dalam struktur sosial dan politik komuniti Arab. Dalam konteks kontemporari, penyesuaian konsep Majlis al-Nadwa dalam perancangan dan seni bina bandar menegaskan kesinambungan fungsinya serta memperlihatkan peranannya yang berterusan dalam memelihara identiti budaya dan mengukuhkan perpaduan sosial (Alonso, 2023; El Amrousi et al., 2019).
- Majlis al-diyāfah (مجالس الضيافة): berakar kuat dalam tradisi budaya, khususnya dalam masyarakat Islam dan Timur Tengah. Ia berfungsi sebagai ruang sosial di mana tuan rumah bukan sahaja menyediakan tempat dan hidangan, tetapi turut menzahirkan kehangatan, penghormatan, serta peluang untuk memulakan atau memperkukuh hubungan antara individu dan komuniti (Stephenson, 2014).

Dengan menekankan bahawa majlis mereka dipenuhi bukan sahaja dengan ucapan, bahkan juga tindakan, penyair mengangkat imej kabilah ini sebagai kaum yang bijaksana serta mampu menterjemahkan kata-kata kepada perbuatan nyata. Tambahan pula, frasa (قد يشفى بأحلامها الجهل) menggambarkan bahawa kebijaksanaan mereka mampu menyembuhkan kebodohan. Ini adalah metafora yang sangat tinggi nilainya, kerana penyair mengibaratkan kebijaksanaan mereka sebagai ubat yang boleh merawat penyakit kejahilan. Maka, pujian ini menonjolkan bahawa mereka bukan sahaja mulia secara peribadi, malah berperanan penting dalam membentuk masyarakat melalui ilmu dan hikmah. Dengan kata lain, majlis mereka menjadi lambang kepemimpinan moral bukan sekadar mengeluarkan kata-kata, tetapi menghasilkan keputusan dan tindakan yang nyata. Pujian ini memperlihatkan peranan majlis sebagai pusat ilmu, tempat pembinaan akal, dan sumber penyelesaian masalah dalam masyarakat.

Dalam bait berikutnya, Zuhair mengangkat aspek kemurahan hati dengan menyebut (على مكثرهم) (رزق من يعترهم) iaitu “yang kaya dalam kalangan mereka menyediakan rezeki bagi sesiapa yang datang”. Zuhair menonjolkan kedermawanan kabilah Harith ibn ‘Auf dan Harim ibn Sinān sebagai sifat terpuji yang diwarisi bersama (Hussein, 1998) Pujian ini diberikan kepada kedua-dua golongan dalam kabilah, sama ada yang kaya mahupun miskin. Golongan kaya (المكثرين) dipuji kerana sentiasa memberi rezeki dan bantuan kepada sesiapa sahaja yang datang meminta, sama ada berupa makanan, harta, mahupun perlindungan. Kekayaan mereka bukan hanya menjadi lambang kebanggaan, tetapi berfungsi menjaga maruah kabilah melalui sifat pemurah yang menjadikan mereka sebagai tumpuan tetamu dan fakir miskin.

Dalam masa yang sama beliau turut memuji golongan miskin dengan ungkapan yang berbunyi (وعند المقلين السماحة واليدل) membawa maksud “manakala yang miskin pula tetap bermurah hati dan sanggup berkorban”. Hal ini memperlihatkan kedermawanan bukan hanya milik mereka yang berharta, tetapi menjadi sifat menyeluruh bagi seluruh kabilah, sama ada kaya atau miskin.

Golongan miskin (المقلين) turut dipuji kerana walaupun serba kekurangan, mereka tetap bersikap pemurah (السماحة) dan sanggup berkorban (البذل) dengan apa yang ada. Pujian terhadap orang miskin yang memberi walaupun sedikit menunjukkan bahawa kemuliaan sebenar dalam masyarakat Arab Jahiliyyah bukan terletak pada banyaknya harta, tetapi pada keikhlasan dan keluhuran jiwa. Analisis ini memperlihatkan bagaimana Zuhair menggunakan perbandingan antara orang kaya dan miskin dalam kabilah ini untuk menunjukkan bahawa kedua-duanya tetap mulia. Orang kaya dipuji kerana memberi rezeki kepada sesiapa yang datang, manakala orang miskin juga dipuji kerana tetap bermurah hati walaupun sedikit yang mereka ada. Perbandingan ini menjelaskan bahawa sifat mulia tersebut bukan hanya dimiliki individu tertentu, tetapi menjadi ciri bersama seluruh kabilah.

Akhir sekali, Zuhair menutup rangkaian pujiannya dengan menekankan bahawa segala kebaikan yang disebut itu adalah warisan turun-temurun. Zuhair menekankan bahawa segala sifat mulia yang dimiliki oleh kaum Muzaynah bukanlah sesuatu yang muncul secara kebetulan, tetapi merupakan warisan turun-temurun daripada nenek moyang mereka. Hal ini ditegaskan melalui ungkapan (توارثه آباء آبائهم قبل) yang membawa maksud kebaikan itu diwarisi daripada generasi sebelumnya. Antara warisan tersebut ialah keberanian dan kepahlawanan yang menjadikan mereka disegani di medan perang, kemuliaan akhlak seperti jujur, menepati janji, dan menjaga kehormatan tetamu, serta kebijaksanaan yang lahir daripada tradisi ilmu dan nasihat para leluhur sehingga majlis mereka diibaratkan mampu menyembuhkan kebodohan (يشفى بأحلامها الجهل) (al-Zawzani, 1998). Selain itu, sifat dermawan juga diwarisi, di mana sama ada golongan kaya mahupun miskin tetap berpegang pada nilai memberi dan berkongsi rezeki. Melalui gambaran ini, Zuhair ingin menunjukkan bahawa kehebatan kaum Muzaynah bukan bersifat sementara atau dimiliki oleh individu tertentu sahaja, tetapi berpunca daripada kesinambungan tradisi mulia yang dijaga sejak dahulu lagi.

Melalui empat aspek ini, Zuhair telah memuji kabilah secara menyeluruh dari peribadi yang mulia, majlis yang sarat kebijaksanaan, kemurahan hati yang meliputi semua lapisan, hinggalah kepada kemuliaan warisan yang terpelihara. Keseluruhannya, syair ini berfungsi sebagai madih kabilah, iaitu pujian kepada seluruh kelompok dengan menegaskan bahawa kemuliaan mereka mencakupi akhlak, ilmu, kedermawanan, dan tradisi.

Hassan bin Thabit

Seterusnya, beralih kepada penyair terkemuka zaman awal Islam Hassan bin Thabit yang masyhur dengan syair memuji Nabi Muhammad SAW.

Petikan 2:

أَعْرُ عَلَيْهِ النَّبُوءَةَ خَاتِمٌ	مَنْ اللَّهُ مِنْ نُورٍ يَلُوحُ وَيُشْهَدُ
وَضَمَّ إِلَهُهُ اسْمَ النَّبِيِّ إِلَى اسْمِهِ	إِذَا قَالَ فِي الْحَمْسِ الْمُؤَدِّينَ أَشْهَدُ
وَشَقَّ لَهُ مِنْ اسْمِهِ لِيَجْلَهُ	مُنزَوِ الْعَرْشِ مُحَمَّدٌ هَذَا مُحَمَّدٌ
نَبِيٌّ أَتَانَا بَعْدَ يَأْسٍ وَفِتْرَةٍ	مَنْ الرِّسْلِ وَالْأَوْثَانُ فِي الْأَرْضِ تُعْبَدُ
فَأَمْسَى سِرَاجًا مُسْتَنْبِرًا هَادِيًا	يَلُوحُ كَمَا لَاحَ الصَّقِيلُ الْمُهَنَّدُ
وَأَنْدَرْنَا نَارًا وَبَشَّرَ جَنَّةً	وَعَلَّمَنَا الْإِسْلَامَ فَاللَّهُ نَحْمَدُ

(<https://www.aldiwan.net/poem119228.html>)

Terjemahan Petikan 2:

Bersinar di tubuhnya tanda kenabian, dari Allah, bercahaya dan nyata kelihatan
Dan Allah menggandingkan nama Nabi dengan nama-Nya,
ketika muazzin menyebut dalam lima waktu, “Aku bersaksi”.
Dia (Allah) mengukirkan untuknya daripada nama-Nya sendiri, sebagai penghormatan,
Tuhan Pemilik ‘Arasy, Maḥmūd, maka inilah Muḥammad.
Seorang Nabi datang kepada kami selepas keputusan dan ketiadaan rasul
sekian lama, sedang berhala-berhala di bumi masih disembah.
Maka jadilah Baginda pelita yang bercahaya lagi memberi petunjuk,
bercahaya umpama pedang yang digilap hingga berkilau.
Baginda memperingatkan kami akan neraka, dan memberi khabar gembira tentang syurga,
serta mengajarkan kami Islam maka kepada Allah kami bersyukur.

Dalam bait pertama, Hassan bin Thabit memuji Nabi Muhammad SAW dengan menggambarkan adanya tanda kenabian pada tubuh Baginda. Ungkapan (أَعْرُ عَلَيْهِ النَّبُوءَةَ خَاتِمٌ) bermaksud “di atas tubuhnya terdapat tanda kenabian yang bercahaya yang jelas”. Tanda ini bukan sekadar bukti fizikal, tetapi menjadi lambang bahawa Baginda benar-benar dipilih oleh Allah SWT sebagai penutup para nabi. Hassan menekankan bahawa cahaya kenabian itu bukan sahaja kelihatan, malah disaksikan oleh sesiapa yang melihat Baginda (al-Tirmidhi, t.th.). Dengan pujian ini, penyair ingin menunjukkan bahawa keagungan Nabi Muhammad SAW telah ditetapkan sejak lahir lagi melalui bukti yang nyata dari Allah SWT.

Dalam bait kedua, Hassan mengangkat kemuliaan Nabi dengan menyebut bagaimana Allah SWT sendiri mengaitkan nama Baginda dengan nama-Nya. Ungkapan (وضمَّ الإله اسم النبي إلى اسمه) bermaksud Allah SWT telah memuliakan Nabi dengan mengaitkan nama baginda dalam syahadah, iaitu lafaz azan yang disebut lima kali sehari. Ungkapan ini merujuk kepada azan, apabila nama Nabi disebut selepas nama Allah SWT melalui kalimah syahadah (Ibn Hisham, 1997). Tambahan pula, Hassan menggunakan permainan bahasa dengan menyatakan bahawa Allah SWT “membelah” daripada nama-Nya (Mahmud) untuk memberi nama kepada Nabi (Muhammad), sebagai tanda pemuliaan yang unik (al-Suyuti, 2005). Pujian ini menggambarkan bahawa Nabi tidak sekadar pemimpin manusia, tetapi juga dikaitkan dengan kebesaran Ilahi. Pujian ini menonjolkan kedudukan Nabi Muhammad SAW yang tidak terpisahkan dengan tauhid, kerana setiap kali umat Islam mengesahkan keesaan Allah SWT, mereka juga mengakui kerasulan Muhammad. Ini menjadi bukti keistimewaan yang tiada tandingan, dengan nama Baginda diabadikan bersama nama Allah SWT dalam ibadah umat Islam.

Bait ketiga memperlihatkan penghormatan yang lebih tinggi apabila Hassan menyatakan bahawa Allah SWT “memecahkan” atau mengambil sebahagian daripada nama-Nya untuk memuliakan Nabi. Frasa (وشق له من اسمه ليُجَلِّه منزو العرش محموداً هذا محمد) menjelaskan bahawa daripada nama Allah al-Mahmūd (Yang Terpuji), lahirlah nama Muhammad (yang banyak dipuji). Hal ini menggambarkan bahawa kemuliaan Baginda bukan hanya kerana kedudukannya sebagai rasul, tetapi kerana hubungan erat dengan sifat terpuji yang menjadi salah satu nama Allah SWT. Dengan pujian ini, Hassan menekankan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah insan pilihan yang dipandang mulia oleh Allah SWT sendiri, bahkan namanya membawa makna keagungan.

Dalam bait keempat, Hassan mengingatkan bahawa Nabi Muhammad SAW diutuskan setelah sekian lama umat manusia berada dalam keputusan dan kekosongan kenabian. Ungkapan (نبي أتانا بعد يأس وفترة من الرسل والأوثان في الأرض تُعبد) bermaksud Baginda datang selepas masa ketiadaan rasul yang lama, ketika manusia telah kembali menyembah berhala. Pujian ini bukan sekadar menggambarkan peranan Baginda sebagai utusan, tetapi juga sebagai penyelamat yang muncul pada saat paling genting. Baginda dipuji kerana membawa sinar harapan, mengembalikan manusia daripada kegelapan syirik kepada cahaya tauhid. Hassan menekankan bahawa kedatangan Baginda adalah jawapan kepada doa dan kerinduan manusia terhadap petunjuk Ilahi.

Seterusnya, dalam bait kelima, Hassan menggambarkan Nabi Muhammad SAW sebagai cahaya yang menerangi jalan kehidupan. Frasa (فأَمسى سراجاً مستتبيراً هادياً يلوح كما لاح الصقيل المهتد) bermaksud Baginda menjadi pelita yang bersinar, memberi hidayah, bercahaya terang seperti kilauan pedang yang ditempa. Perumpamaan cahaya Nabi dengan pedang yang berkilau menunjukkan betapa jelas dan kuatnya hidayah yang dibawa, tidak mampu ditutup atau disembunyikan. Pujian ini mengangkat Nabi Muhammad SAW sebagai sumber petunjuk, tempat manusia mencari jalan keluar daripada kegelapan kesesatan.

Akhir sekali, Hassan menutup syair dengan menyebut peranan Nabi sebagai pemberi amaran dan pembawa berita gembira. Ungkapan (وأُنذَرنا ناراً وبشّر جنة وعلمنا الإسلام فالله نحمد) menggambarkan Baginda sebagai rasul yang memperingatkan manusia tentang azab neraka, memberi berita gembira tentang syurga, dan mengajarkan Islam sebagai jalan keselamatan (Dayf, 1995). Pujian ini menonjolkan kesempurnaan peranan Nabi bukan sahaja sebagai pemberi hidayah, tetapi juga sebagai pendidik umat. Dengan menyebut “maka kepada Allah

SWT kita bersyukur”, Hassan menutup rangkaian pujiannya dengan pengakuan bahawa kehadiran Nabi Muhammad SAW adalah nikmat terbesar yang wajib disyukuri oleh seluruh umat manusia.

Melalui keenam-enam bait ini, Hassan bin Thabit telah menampilkan pujian yang menyeluruh terhadap Nabi Muhammad SAW bermula daripada tanda kenabian pada jasad Baginda, kemuliaan nama yang diangkat bersama nama Allah SWT, peranan Baginda sebagai penyelamat ketika manusia berada dalam keputusan, cahaya yang memberi petunjuk, hingga kepada tugas Baginda sebagai pemberi amaran dan pembawa berita gembira. Keseluruhannya, syair ini berfungsi sebagai *madh nabawi*, iaitu pujian terhadap Nabi Muhammad SAW, yang menonjolkan keistimewaan Baginda sebagai rahmat terbesar bagi umat manusia.

Dapatan Kajian

Jadual 1: Perbandingan Syair Pujian antara Zuhair bin Abi Sulma dan Hassan bin Thabit dari Zaman Berbeza

Aspek	Zuhair bin Abi Sulma	Hassan bin Thabit
Tema	Keberanian, kemuliaan keturunan, kekuatan fizikal, dan jasa kepada kabilah.	Akhlak mulia, petunjuk Ilahi, rahmat, dan kedudukan kenabian.
Tujuan	- Mengangkat maruah tokoh di mata masyarakat. - Memotivasi kabilah dan memperkukuh semangat persaudaraan.	- Mengagungkan Rasulullah SAW sebagai contoh teladan. - Memperkuat iman dan memupuk cinta kepada Nabi.
Fokus Pujian	Unsur duniawi dan kebanggaan kabilah.	Unsur ukhrawi dan kerohanian.
Nada	Kepahlawanan, bangga, penuh semangat.	Hormat, cinta, pengagungan rohani.

Kajian ini mendapati terdapat perubahan besar dalam tema, bentuk, dan fungsi pujian antara syair Zuhair bin Abi Sulma pada zaman Jahiliyah dan syair Hassan bin Thabit pada zaman awal Islam. Jelas bahawa syair bukan sekadar karya indah, tetapi juga mempunyai peranan sosial dan dakwah yang menyesuaikan diri dengan keadaan masyarakat pada zamannya. Bagi Zuhair, pujian berbentuk *madh qabilah*, iaitu pujian kepada kabilah dan tokoh pemimpin. Beliau menyanjung keberanian, kemurahan hati, kebijaksanaan, dan warisan mulia yang diwarisi daripada nenek moyang. Tokoh seperti al-Ḥārith bin ‘Auf dan Ḥarim bin Sinān dipuji kerana peranan mereka menghentikan peperangan, melindungi maruah kabilah, serta mengukuhkan

perpaduan. Pujian Zuhair berfungsi untuk memelihara solidariti kesukuan, mengabadikan jasa pemimpin, dan mengekalkan struktur sosial masyarakat Arab Jahiliyah.

Syair Zuhair dan Hassan memperlihatkan perbezaan dari segi tokoh yang dipuji, gaya bahasa yang digunakan, dan peranan sosial syair dalam masyarakat masing-masing. Zuhair yang hidup pada zaman Jahiliyah memuji manusia biasa iaitu para ketua kabilah yang menjadi pahlawan dan penjamin keamanan. Pujian beliau berasaskan nilai sosial masyarakat Arab Jahiliyah seperti keberanian, kemurahan hati, dan kemampuan menyelesaikan pertikaian. Dalam konteks ini, pujian menjadi medium untuk mengukuhkan kedudukan tokoh tertentu dalam struktur sosial, di samping menyebarkan nilai murni yang dipegang oleh kabilah. Oleh itu, puisi Zuhair berfungsi sebagai cerminan budaya Jahiliyah yang menyanjung nilai kesukuan, ketokohan, dan keperwiraan. Sebaliknya, Hassan bin Thabit yang hidup pada zaman Islam menumpukan pujiannya kepada Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT dan pemimpin umat. Pujian beliau tidak lagi terbatas pada sifat-sifat manusiawi seperti keberanian atau kemurahan, tetapi menekankan aspek rohani, kenabian, dan kemuliaan yang dianugerahkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Hassan mengangkat martabat Nabi melalui simbol tanda kenabian, pengabdian nama Baginda bersama nama Allah SWT, serta peranan Baginda sebagai pembawa cahaya petunjuk. Fungsi sosial syair ini lebih luas, iaitu membina keimanan umat Islam, meneguhkan kedudukan Nabi sebagai pemimpin rohani, dan menyebarkan ajaran Islam yang baru bertapak. Dengan itu, pujian Hassan melampaui batas kabilah dan bersifat universal, sesuai dengan misi Islam sebagai rahmat bagi seluruh alam. Hassan bin Thabit mempersembahkan pujian berbentuk *madh nabawī*, iaitu pujian kepada Nabi Muhammad SAW. Beliau mengangkat tanda kenabian, kemuliaan nama Nabi yang digandingkan bersama nama Allah SWT, serta peranan Baginda sebagai cahaya hidayah yang membawa manusia daripada kegelapan syirik kepada cahaya tauhid. Fungsi pujian ini lebih luas, iaitu sebagai medium dakwah, pengukuhan iman, dan legitimasi kepemimpinan Nabi Muhammad SAW dalam masyarakat Islam awal.

Perbandingan ini menonjolkan dua bentuk pujian yang berbeza: (a) Zuhair: pujian duniawi, berpusat pada tokoh kabilah, berfungsi mengekalkan kehormatan sosial; dan (b) Hassan: pujian ukhrawi, berpusat pada Rasulullah SAW, berfungsi menyebarkan dakwah dan mengukuhkan akidah. Dapatan ini membuktikan fungsi pujian dalam syair berubah mengikut zaman dan keperluan masyarakat. Pada zaman Jahiliyah, syair menjadi alat sosial untuk mengabadikan nilai keberanian dan kepemimpinan kabilah, manakala pada zaman Islam, syair berubah menjadi alat dakwah yang bersifat universal dan rohani. Perubahan ini selaras dengan teori sosiologi sastera yang menegaskan bahawa karya sastera lahir daripada masyarakatnya dan berperanan memenuhi keperluan sosial. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan syair Arab bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan atau seni bahasa, tetapi juga cermin perubahan nilai masyarakat. Ia memperlihatkan bagaimana pujian beralih daripada mengangkat martabat kabilah kepada mengukuhkan risalah kenabian, sekaligus membuktikan bahawa sastera Arab adalah agen perubahan sosial yang berkesan. Perubahan ini menunjukkan bahawa syair sentiasa berkait rapat dengan keadaan masyarakat. Pada zaman Jahiliyah, ia mencerminkan budaya kesukuan, manakala pada zaman Islam, ia menjadi saluran penyebaran ajaran agama dan nilai sejagat.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan pujian dalam syair Arab bukanlah sekadar bentuk retorik, tetapi berfungsi mengikut keperluan masyarakat pada zamannya. Pada zaman Jahiliyah, ia berfungsi mengukuhkan maruah kabilah dan perpaduan sosial, manakala pada zaman Islam, ia berfungsi

mengukuhkan akidah serta menyebarkan dakwah. Penemuan ini memperkayakan kajian sastera Arab dengan menunjukkan fungsi syair berubah mengikut perubahan struktur sosial dan budaya. Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan dalam bidang pendidikan bahasa dan sastera Arab. Analisis perbandingan antara Zuhair dan Hassan bin Thabit boleh dijadikan bahan pengajaran untuk menjelaskan bagaimana sastera mencerminkan perubahan nilai masyarakat. Selain itu, ia juga memberi inspirasi kepada penulis, pendidik, dan pendakwah bahawa bahasa indah dalam syair atau karya kreatif boleh dijadikan medium pendidikan dan dakwah yang berkesan, selaras dengan contoh yang ditunjukkan oleh Hassan bin Thabit.

Perbandingan antara syair Zuhair dan Hassan memperlihatkan peralihan besar dalam tema dan fungsi pujian dalam tradisi Arab. Dari pujian bersifat duniawi, berpusat pada tokoh kabilah dan nilai kesukuan, ia berkembang kepada pujian bersifat ukhrawi yang menyanjung Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT dan pembawa cahaya kebenaran. Dapat dilihat bahawa perubahan ini didorong oleh peralihan sosial daripada masyarakat jahiliyah yang berteraskan kabilah kepada masyarakat Islam yang berteraskan akidah. Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini menegaskan bahawa syair Arab adalah cermin perubahan sosial dan dalam masa yang sama berperanan sebagai alat pendidikan dan dakwah. Ia mengingatkan bahawa karya sastera tidak wajar dilihat semata-mata dari sudut estetik, tetapi perlu difahami sebagai medium penting yang membentuk kesedaran, nilai, dan hala tuju masyarakat.

Kajian ini membuka ruang kepada pengkaji lain untuk meneliti peranan pujian dalam tradisi sastera Islam yang lebih luas. Sebagai contoh, kajian boleh dilanjutkan kepada syair selepas era Hassan bin Thabit atau kepada karya sastera Melayu-Islam seperti syair Hamzah Fansuri dan puisi tradisional yang juga menampilkan elemen pujian bernuansa Islam. Implikasi ini menunjukkan bahawa tema pujian adalah tema sejagat yang boleh diteliti dalam pelbagai budaya, sekali gus memperkayakan perbandingan rentas tradisi.

Kajian boleh diperluas kepada syair pada era selepas sahabat Baginda, seperti karya penyair Umawiyah dan Abbasiyyah, bagi melihat bagaimana pujian berkembang dalam suasana politik dan budaya yang berbeza. Perbandingan antara tradisi syair Arab dengan tradisi sastera Melayu-Islam, khususnya syair Hamzah Fansuri atau karya pujian terhadap Sultan dan tokoh agama, untuk menilai persamaan dan perbezaan fungsi pujian dalam masyarakat Islam. Penelitian terhadap gaya bahasa, simbol, dan metafora dalam pujian Hassan bin Thabit dan Zuhair bagi memahami teknik persuasif yang digunakan dalam menyampaikan mesej sosial dan dakwah. Menggabungkan sosiologi, sejarah, dan dakwah untuk meneliti kesan syair pujian terhadap pembentukan identiti masyarakat Arab, serta hubungannya dengan perubahan politik dan agama. Cadangan ini diharap dapat membuka ruang penyelidikan yang lebih luas dan menyumbang kepada pengayaan khazanah ilmu dalam bidang sastera Arab, linguistik, serta kajian perbandingan. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan pujian dalam syair Arab bukan sekadar ungkapan keindahan bahasa, tetapi memiliki fungsi sosial, budaya, dan dakwah yang jelas. Perbandingan antara syair Zuhair bin Abi Sulma dan Hassan bin Thabit memperlihatkan perubahan besar daripada pujian bersifat duniawi dan berpusat pada kabilah kepada pujian bersifat ukhrawi yang menyanjung Nabi Muhammad SAW. Pujian Zuhair berperanan mengukuhkan maruah kabilah, mengekalkan solidariti, dan mengabadikan jasa pemimpin. Sebaliknya, pujian Hassan bin Thabit meneguhkan kedudukan Nabi, memperkukuh akidah umat, serta menjadi medium dakwah yang menyebarkan risalah Islam. Melalui kerangka sosiologi sastera, jelas bahawa syair ini lahir daripada konteks masyarakatnya dan berfungsi sebagai alat perubahan sosial yang berkesan. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan sastera Arab, khususnya syair pujian, adalah cermin kepada perubahan nilai masyarakat daripada

zaman Jahiliyah kepada zaman Islam. Penemuan ini membuka ruang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan sastera sebagai medium dakwah, pendidikan, dan pembinaan tamadun.

Rujukan

- Alonso, J. G. (2023). Khaleeji modernities: Private spaces, British imperialism, and the centralization of the Qatari Peninsula. *Gulf Studies*, 8, https://doi.org/10.1007/978-981-19-7796-1_34
- Bunyamin, B. (2013). Zuhair bin Abi Sulma dan mu'allaqatnya: Kajian intrinsik. Dlm. *Merangkai Ilmu-ilmu Keadaban: Penghormatan Purna Tugas Ustaz Muhammad Muqoddas*, hlm. 99-138. Yogyakarta: Fakultas Adab dan Ilmu Budaya, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Cahaya Buana. (2017). Nilai-nilai moralitas dalam syair Jahiliyah karya Zuhair Ibnu Abi Sulma. *Buletin Al-Turas*, 23(1), Januari.
- Dayf, S. (1995). *al-Shi'r fi al-'Asr al-Islami*. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- al-Diwan. (t.th.). Zuhair bin Abi Sulma - poem19228. <https://www.aldiwan.net/poem19228.html>
- El Amrousi, M., Elhakeem, M., & Caratelli, P. (2019). Reinterpreting tradition: Hybridization and vernacular expression in Emirati housing. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, <https://doi.org/10.1088/1757-899X/>
- Hussein, T. (1998). *Fi al-Adab al-Jahili*. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Hisham. (1997). *al-Sirah al-Nabawiyah*. Jil. 1-4. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Qutaybah. (1981). *Kitab al-Shi'r wa al-Shu'ara'*. Beirut: Dar al-Thaqafah.
- al-Jahiz. (1998). *Al-Bayan wa al-Tabyin* (Vols. 1–3). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kholis, N. (2021). Kritik dan penilaian Ibnu Qutaibah terhadap puisi Arab dalam Kitab al-Syi'ru wal Syu'ara'. *EL-IBTIKAR Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 10(1), 16-36.
- Stephenson, M. L. (2014). Deciphering 'Islamic hospitality': Developments, challenges and opportunities. *Tourism Management*, 40, 155-164.
- al-Suyuti, J. (2005). *al-Khasa'is al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi. (t.th.). *Sunan al-Tirmidhi: Kitab al-Manaqib*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Wargadinata, H. W., & Fitriani, L. (2018). *Sastra Arab Masa Jahiliyah dan Islam*. Malang: UIN-Maliki Press.
- al-Zawzani, A. A. (1998). *Syarh al-Mu'allaqat al-Sab'*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.